

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**  
**TARIKH : 16.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah ia benar bahawa dalam subjek pelajaran Sejarah, sejarah Sabah dan Sarawak sudah semakin berkurangan, lebih sejarah mengenai Melayu dan Islam diutamakan. Apakah hasil siasatan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2010 terhadap dakwaan bahawa buku teks Sejarah bias dan faktanya pula silap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum dan Buku Teks Sejarah pada tahun 2010**, menunjukkan pada keseluruhannya kandungan buku teks Sejarah yang sedia ada telah dapat mencerminkan dan menterjemahkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah. Penulisan dan pendidikan sejarah juga berasaskan kepada kaca mata, aspirasi dan pandangan masyarakat di Malaysia secara umum (*Malaysian Centric*). Berkaitan dengan isu kesahihan fakta sejarah yang terdapat dalam penulisan Buku Teks Sejarah, adalah didapati Buku Teks Sejarah tidak mempunyai banyak kesilapan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Hanya terdapat beberapa kekeliruan kecil berkaitan istilah tertentu yang berpunca daripada *different school of thoughts* pihak-pihak tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah telah ditubuhkan pada 3 Mei 2011 bagi melihat kandungan kurikulum dan buku teks di peringkat sekolah menengah. Hasilnya, tema tentang tajuk sejarah Sabah dan Sarawak telah disentuh dan disusun mengikut rentetan peristiwa (kronologi) melalui tema berikut:

Tingkatan	Tema
Tingkatan 1	Tema 2: Kesultanan Melayu Melaka menjadi Asas Kerajaan Masa Kini
Tingkatan 2	Tema 3: Kemakmuran dan Kekayaan Negara Kita Menarik kuasa Luar untuk Menjajah
Tingkatan 2	Tema 4: Tindakbalas Masyarakat Tempatan Terhadap Penjajah British
Tingkatan 3	Perjuangan Rakyat ke arah Kemerdekaan Tanah Air
Tingkatan 3	Pembentukan Persekutuan Malaysia
Tingkatan 5	Tema 11: Pembinaan Negara Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat